

Mahathir umumkan Jumaat Lagi subsidi untuk petrol

KERAJAAN akan memberi subsidi untuk menampung kenaikan harga minyak yang akan diumumkan Jumaat ini, jelas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan jumlah subsidi yang akan diberikan kerana Kerajaan masih lagi menyiapkan butir-butir mengenaiya.

"Pemberian subsidi itu tidak akan menampung 100 peratus kenaikan tetapi kadar harga baru tidak akan terlalu tinggi," jelas beliau ketika ditemui di kediamannya di sini semalam.

Pada 25 April lalu, harga runtu minyak premium naik dari \$3.82 kepada \$4.04 segepol. Harga bahan-bahan petroleum lain seperti diesel dan minyak tanah terus naik antara 30 hingga 47 sen segepol.

\$478 juta setahun

Tengku Razaleigh berkata, jumlah subsidi harga minyak itu akan diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Jumaat ini.

Katanya, Kerajaan mengambil keputusan menaikkan harga minyak bagi menentukan syarikat-syarikat minyak tidak mengalami kerugian yang mungkin menjejaskan bekalan minyak dalam negeri.

Katanya, pada masa ini, Kerajaan menyediakan kira-kira \$635 juta subsidi setahun untuk subsidi minyak.

KOTA BHARU, Ahad

"Ini tidak termasuk kira-kira \$478 juta subsidi minyak dan cukai yang diberikan kepada Lembaga Elektrik Negara," tambah beliau.

Mengenal ura-ura kenaikan harga gula, Menteri Kewangan memberitahu, pada masa ini terdapat permohonan untuk kenaikan harga gula runtu di pasaran.

Bagaimanapun beliau enggan memberi butir-butir perkara itu.

Bekalan khas dijual

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah meminta Bahagian Pengukuasaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di sini menjalankan penyiasatan rapi sebab-sebab berlakunya kekurangan gula di negeri ini.

Beliau percaya salah satu sebab kekurangan bahan tersebut di Kelantan sekarang ialah kerana diseludup ke Thailand.

Kerajaan Negeri Kelantan mengambil langkah-langkah tegas bagi membantu masyarakat terpelihara terutama di tepi sempadan mendapat gula bagi keperluan Hariraya.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Haji Hussein Ahmad mengarahkan jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) mengadakan penjualan gula dari bekalan khas kepada para penduduk di kawasan

sampadan.

Datuk Haji Hussein bersama dengan pegawai-pegawai pengukuasa di sini akan meninjau sendiri penjualan gula secara runtu di kampung-kampung esok.

Para penduduk yang akan membeli gula dari JKKK ialah Kampung Rahmat, Lubuk Stok, Kubang Rambutan, Gual Citik, Kampung Bokal, Geretak Tiga, Kubang gun, Gual Perituk, Tok Ti dan Pekan Rantau Panjang.

Datuk Haji Hussein memberitahu petang ini, langkah selanjutnya akan diambil bagi memastikan bekalan gula tidak berkurangan selepas Hariraya ini.

Katanya, tindakan tegas akan diambil bagi menjamin bekalan gula di kawasan sempadan dan kampung pedalaman mencukupi.

Beliau juga meminta Pegawai Pegawai Pengukuasaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di sini menjalankan siasatan rapi terhadap pengedar dan peruncit gula di negeri ini.

Penyeludupan disiasat

"Penyiasatan ini untuk mengetahui sama ada benar atau tidak dakwaan berhubung dengan penyeludupan gula dari Rantau Panjang ke Thailand," katanya.

Beliau menambah, sekiranya benar, tindakan tegas akan diambil bagi kebaikan rakyat.

Pagi ini, Ahli Parlimen Rantau Panjang, Encik Ibrahim Mohamed datang ke Pejabat Menteri Besar Kelantan untuk melaporkan kehabisan bekalan gula di Rantau Panjang.